

# Rais: Dasar Ketengah akan dikaji semula

**KUALA LUMPUR, Selasa** — Dasar dan matlamat Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah (Ketengah) akan dikaji semula, sesuai dengan peredaran masa, bagi memastikan rancangannya selaras dengan Rancangan Malaysia Kelima.

Menteri Kemajuan Tanah dan Wilayah, Datuk Rais Yatim berkata kajian itu dijalankan oleh sebuah jawatankuasa yang dipengerusikan oleh Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian, Datuk Haji Ibrahim Ismail dan dianggotai oleh pegawai-pegawai kementerian, Unit Perancangan Ekonomi Negeri dan Perbendaharaan.

Jawatankuasa itu bertanggungjawab kepada Setiausaha Parlimen Kementerian Encik Zainal Abidin Zin dan akan mengemukakan laporannya sebelum 15 Disember. Laporan itu kemudian akan dimaklumkan kepada Kabinet.

Tahun depan, sejumlah \$47 juta diperuntukkan kepada Ketengah berbanding dengan \$41 juta tahun ini.

Datuk Rais berkata jawatankuasa itu diarah mengkaji setiap aspek pembangunan Ketengah kerana strategi penubuhannya 10 tahun lalu dianggap tidak lagi sesuai.

"Bila Ketengah ditubuhkan, Terengganu tidak mempunyai gas dan tidak timbul masalah bu-

ruh. Keadaan sekarang berbeza."

Kajian itu akan membolehkan langkah untuk menghadkan pembangunan tanah sejajar dengan dasar kerajaan negeri.

Sebagai contoh, pembangunan tanah dan tanah pertanian yang diluluskan untuk tahun depan berkurangan kepada 12,900 hektar berbanding dengan 20,000 hektar tahun ini.

## Hak milik

Jumlah lot hak milik sementara juga turun kepada 35 lot tahun depan berbanding dengan 57 lot tahun ini.

Beliau menyatakan demikian selepas diberi taklimat oleh pegawai-

pegawai kanan Ketengah di sini.

Datuk Rais menjelaskan dasar kerajaan negeri untuk menghadkan pembangunan tanah itu disebabkan beberapa faktor penting, termasuk:

- Untuk memberi keutamaan kepada penyeritaan rakyat negeri.

- Masalah pekerja yang meruncing dari masa ke semasa. Masalah pekerja adalah perkara besar yang harus dihadapi sekarang.

- Memberi tumpuan ke atas pembinaan rumah, ruang niaga dan pembangunan bandar supaya ia benar-benar diisi oleh rakyat.

Datuk Rais berkata untuk mengatasi masalah itu, adalah dirasakan perlu agar beberapa dasar dipelbagaikan aktiviti dijalankan demi kepentingan semua pihak.

Menteri itu berharap jawatankuasa itu akan dapat memberi gambaran yang jelas mengenai masalah itu dan mencari jalan mengatasinya.

"Tumpuan akan diberikan untuk memaju dan menggunakan sepenuhnya kawasan tanah yang sedia ada, bukan hanya membuka tanah baru.

"Tetapi pembangunan prasarana, termasuk perumahan, bekalan elektrik dan air serta jalan raya akan diteruskan."

Sejumlah \$3.1 juta diperuntukkan untuk perumahan, \$6 juta untuk jalan raya, \$7.2 juta untuk bekalan air dan \$2 juta untuk elektrik.

Ada juga kemungkinan tenaga Felda akan digunakan dalam kajian semula itu. Butir-butir mengenainya akan dikenalpasti oleh jawatankuasa itu.

Bahan asal dari Arkib  
Negara Malaysia